

05 MAR 1997

Najib-Guru

CADANGAN LAPORAN JAWATANKUASA KHAS PENDIDIKAN DALAM TINDAKAN

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Kementerian Pendidikan sedang mengambil tindakan berkaitan cadangan khusus yang dikemukakan dalam Laporan Jawatankuasa Khas Pendidikan mengenai sistem perkhidmatan dan program kerjaya pendidikan.

Menteri berkenaan Datuk seri Najib Tun Razak berkata tindakan juga diambil terhadap perakuan jawatankuasa yang mencadangkan langkah yang wajar dilakukan oleh kerajaan bagi menangani masalah dan isu dalam perkhidmatan pendidikan.

Bagaimanapun katanya tindakan terhadap cadangan yang menyentuh skim gaji, perjawatan dalam perkhidmatan serta perkara yang mempunyai implikasi kewangan sedang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), katanya.

Beliau berkata ia akan dibincang dan diselesaikan dengan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Najib berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya mengenai tindakan yang diambil serta perkembangan terbaru mengenai laporan jawatankuasa khas pendidikan yang dipengerusikan bekas Ketua Pengarah Pendidikan Tan Sri Abdul Rahman Arshad.

Jawatankuasa itu ditubuhkan pada 4 Ogos 1995 dan memulakan tugas pada November tahun itu. Ia menyerahkan laporan kepada Najib pada September tahun lepas.

Mengenai rungutan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) bahawa Kementerian Pendidikan tidak mempunyai kuasa untuk membaiki sistem perkhidmatan perguruan dan masalah perkhidmatan kerana tertakluk dengan skim perkhidmatan yang ditentukan JPA, Najib berkata ia merupakan keputusan kerajaan bahawa perkhidmatan sektor awam diselaraskan.

"JPA sebenarnya menjadi urusetia kepada segala keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan Perdana Menteri bagi sebarang pengwujudan perjawatan," katanya.

Beliau berkata bagi sektor awam, kerajaan perlu menyelaraskan skim perkhidmatan kakitangannya bagi mengelakkan timbulnya banyak masalah khususnya dalam soal perbelanjaan dan keutamaan mengenai satu-satu perkhidmatan.

Katanya satu-satu perkhidmatan kerajaan kait-mengait antara satu sama lain dan sekiranya ia mempunyai skim yang berlainan ramai orang akan merasakan bahawa gaji mereka harus berubah.

Najib berkata cadangan jawatankuasa khas itu mengenai skim perkhidmatan akan membabitkan implikasi kewangan kerajaan yang besar dan sebarang perubahan dalam skim perkhidmatan pendidikan itu akan meningkatkan kos operasi sebanyak 30 peratus kerana ia melibatkan satu pertiga daripada jumlah keseluruhan kakitangan awam.

"Bagaimanapun ini tidak bermakna bahawa kerajaan tidak memandang berat mengenai masalah perkhidmatan perguruan tetapi ia mesti dilihat dalam konteks keseluruhannya," katanya.

Beliau berkata JPA juga sedang mengkaji skim perkhidmatan bagi guru pelatih yang memegang Diploma Perguruan Malaysia (DPM).

Ditanya sama ada kementerian akan meningkatkan syarat kemasukan ke maktab perguruan dengan menggunakan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Najib berkata ia tidak perlu dilakukan kerana permohonan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sudah mencukupi untuk memenuhi syarat kemasukan pengajian DPM.

Kualiti pemohon yang ingin memasuki maktab perguruan untuk mengikuti DPM semakin baik dan bilangannya juga berlipat-ganda melebihi tempat yang ditawarkan, katanya. -- BERNAMA

HS NMO